



Headline: Hampir RM150,000 lesap sehari  
Publication/Portal: Berita Harian Online  
Date: 7 September 2021

Language: Malay  
Section: --  
Page: --

## Hampir RM150,000 lesap sehari



**PADAWAN:** Seorang wanita warga emas kehilangan wang tunai RM149,550 akibat tertipu dengan sindiket dalam talian.

Ketua Polis Daerah Padawan, Superintendant Aidil Bolhassan, berkata kejadian berlaku selepas mangsa yang berusia 60 tahun menerima mesej daripada satu nombor tidak dikenali tengah hari semalam, yang memberitahu dia ada membeli barang dari 'Shopee' sebanyak RM2,636.

Beliau berkata, mangsa diminta menghubungi nombor 'Maybank' dan bercakap dengan lelaki bernama John Ng, yang kemudian mengatakan maklumat peribadi mangsa digunakan oleh orang lain mendaftar kad kredit Maybank Master Gold di Kuala Lumpur dan tertunggak sebanyak RM4,778.90.

Beliau berkata, mangsa seterusnya diminta menghubungi nombor 'Bank Negara Malaysia', sebelum mangsa disuruh membeli insurans dan mangsa bersetuju.

"Mangsa kemudian ada menerima beberapa nombor kod kebenaran transaksi (TAC) dan suspek mengarahkan mangsa memberikan nombor TAC kepada mereka.

"Mangsa panik dan mengikuti semua arahan dan permintaan suspek.

"Setelah nombor TAC diserahkan mangsa menyedari terdapat transaksi wang keluar dari akaun Public Bank dan Maybank miliknya berjumlah RM23,850 dan RM125,700," katanya dalam kenyataan, hari ini. Aidil berkata, mangsa membuat laporan polis dan kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.